

25/09/2003

`Kabel pincangkan masyarakat'

Pembenci Kabel

KABEL dalam Kamus Dewan merujuk kepada dawai besar yang biasanya dibuat daripada beberapa serat dawai yang lebih halus. Dalam satu istilah slanga, `kabel' merujuk kepada seseorang individu yang boleh diharapkan untuk menolong atau mendapatkan sesuatu bagi kepentingan individu tertentu dengan cara yang mudah. Istilah lain untuk `kabel' yang diguna pakai ialah `orang dalam'.

`Kabel' dan rasuah satu istilah yang mempunyai pengertian dan maksud berbeza, tetapi peranannya hampir sama iaitu mampu mencapainya hajat seseorang dengan cara yang tidak telus.

Biasanya `kabel' atau `orang dalam' sanggup menolong untuk membereskan hajat seseorang yang mempunyai pertalian keluarga, saudara mara serta kenalan rapat tanpa mendapatkan habuan.

Orang yang berperanan sebagai `kabel' ialah mereka yang mempunyai jawatan tinggi dalam sesebuah organisasi atau di jabatan kerajaan, juga mereka yang berpengaruh seperti wakil rakyat atau yang mempunyai gelaran tertentu. Orang yang mempunyai pengaruh inilah yang boleh mempengaruhi orang lain untuk mendapatkan hajat orang lain.

Penggunaan `kabel' untuk mendapatkan sesuatu hajat bukan lagi satu perkara baru, kerana kegiatan ini sudah lama menular dalam masyarakat kita, tetapi tidak dihebahkan kerana kegiatan ini dikira tidak mengancam keselamatan.

Namun, jika diperhalusi, jelas sekali perkara sumbang ini boleh menyekat atau boleh membantutkan pertumbuhan negara berdasarkan kadar guna tenaga yang tidak cekap dan tidak menepati spesifikasi. Keadaan ini boleh berlaku dalam sektor awam mahupun swasta.

Keadaan ini jelas terbukti apabila seseorang penjawat awam itu tidak memiliki sebarang kemahiran ataupun kepakaran, tetapi diambil bekerja dalam sektor yang memerlukan kepakaran yang bersesuaian hasil pertolongan `orang dalam' atau `kabel', pastinya akan memberi masalah kepada pengurusan.

Lebih buruk lagi jika seseorang yang mempunyai rekod jenayah, tetapi diterima menjawat jawatan dalam sektor awam yang berkaitan dengan penguatkuasaan hasil pertolongan `orang dalam', sudah tentu menimbulkan pula masalah lain.

Budaya penggunaan `kabel' untuk membereskan hajat seseorang sekiranya dibiarkan terus berleluasa akan memberi kepincangan dalam masyarakat.

Banyak pihak akan kecewa dan tidak puas hati dengan peranan yang dimainkan oleh `orang dalam' ini di samping hanya segelintir saja yang cukup gembira dengan peranan yang dimainkannya.

Cuba bayangkan jika kuota untuk pengambilan pekerja baru cuma 60 kekosongan saja, tetapi permohonan melebihi 500 pemohon, tentunya mendorong seseorang menggunakan `kabel' bagi merebut jawatan yang begitu sengit.

Seandainya 70 peratus kekosongan ini diisi oleh mereka yang menggunakan `kabel', bayangkan betapa ramai yang betul-betul berminat dan berkelayakan terpaksa dipinggirkan dan mereka terpaksa dibiarkan kecewa.

Sudah berapa ramai graduan yang sanggup membuang atau menyimpan saja gulungan ijazah dalam peti atau gubuk, yang diperolehi hasil penat lelah mereka belajar di universiti akibat terlalu hampa setiap kali menghadiri temu duga, kerana mereka tahu bahawa hasil temu duga itu pastinya akan berpihak kepada mereka yang menggunakan `kabel'.

Penggunaan `kabel' bukan saja untuk mendapatkan pekerjaan bahkan diperluaskan lagi penggunaannya untuk kenaikan pangkat ataupun untuk pertukaran tempat kerja serta menyelesaikan sesuatu perkara dengan lebih cepat.

Jika mereka melalui jalan yang lurus, sudah tentu terpaksa melalui kerenaah birokrasi yang begitu rumit dan melambatkan proses kelulusan. Kesimpulannya, penggunaan `kabel' ini menunjukkan kepada kita satu salah laku terhadap tanggungjawab yang diamanahkan kepada seseorang dan boleh memberi kesan buruk yang besar terhadap slogan `Bersih, Cekap dan Amanah' yang dipopularkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, suatu masa dulu.

PEMBENCI KABEL,  
Puchong, Selangor.